


TARIKH	RABU, 1 FEBRUARI 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PEKERJA KITA SUKA BELANJA DARIPADA MENYIMPAN
M/S	1 & 5
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	

Pekerja kita suka belanja daripada menyimpan

Eksklusif

Kajian Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 dikeluarkan pada Oktober lalu yang membabitkan 3,000 responden berusia 18 tahun ke atas mendapati tahap literasi kewangan pekerja tempatan masih rendah, lebih suka berbelanja daripada menyimpan wang untuk keperluan masa depan.

- 69 peratus pekerja lebih suka berbelanja daripada menyimpan yang menyebabkan mereka tiada simpanan untuk kecemasan
- Hanya 20 peratus mampu tampung perbelanjaan hidup sekurang-kurangnya tiga bulan jika hilang pekerjaan
- Kajian setiap tiga tahun itu juga mendapati 27 peratus pekerja bimbang dengan keupayaan untuk membiayai perbelanjaan hidup ketika tua nanti



Rakyat lebih suka berbelanja, tiada tabung kecemasan

Hanya 20 peratus bertahan tiga bulan tampung kos hidup jika hilang pendapatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya 20 peratus rakyat dewasa bekerja di negara ini mampu menampung perbelanjaan hidup bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan jika hilang pendapatan, disebabkan tiada tabung kecemasan, selain lebih suka berbelanja berbanding membuat tabungan.

Dapatan itu hasil Tinjauan Ke-stabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 yang dikeluarkan pada Oktober lalu, memabitkan kira-kira 3,000 responden berusia 18 tahun dan ke atas di seluruh negara dengan sesi temu bual dibuat secara bersema-

ka. Tinjauan dijalankan Jawatankuasa Kerja Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) melalui Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. FEN ialah platform antara agensi ditubuhkan bagi meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dengan menggalakkan inisiatif pendidikan kewangan yang berkesan.

Pengerusi Bersama FEN yang juga Pengarah Jabatan Rangkuman Kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM), Nor Rafidz Nazri, berkata kaji selidik setiap tiga tahun itu juga mendapati 27 peratus rakyat bekerja, sangat bimbang dengan keupayaan untuk membiayai perbelanjaan hidup pada hari tua.

"Tahap literasi kewangan rakyat Malaysia masih rendah, lebih suka berbelanja sekarang daripada menyimpan duit. Kajian mendapati 69 peratus lebih suka berbelanja berbanding menyimpan yang menyebabkan mereka tiada simpanan untuk kegunaan jika berlaku kecemasan.

"Sebanyak 47 peratus mengakui mereka sukar menyediakan wang kecemasan RM1,000. Hanya 20 peratus mendapati mampu menampung perbelanjaan hidup sekurang-kurangnya tiga bulan atau lebih jika hilang pendapatan," katanya kepada BH.

Eksklusif

Nor Rafidz berkata, sebanyak 30 peratus daripada responden kaji selidik itu berasa terbeban dengan hutang disebabkan perancangan kewangan yang tidak baik ketika mereka masih belia, manakala 35 peratus tidak berminat terhadap insurans dan takaful.

"Kebanyakan mereka yang tidak berminat dengan insurans dan takaful ialah golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan belia kerana menganggap ia adalah produk mewah," katanya.

Katanya, berdasarkan dapatan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan terbaharu pada 2021 itu, FEN melaksanakan inisiatif yang disampakan secara terancang memabitkan semua peringkat umur, iaitu kanak-kanak, belia dan dewasa dalam meningkatkan literasi kewangan mereka.

Elemen celik kewangan

Kepada kanak-kanak, elemen celik kewangan diselitkan dalam kurikulum sekolah dari peringkat prasekolah hingga Tingkatan Lima, contohnya melalui subjek Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

"Bagi golongan belia pula, di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT), mata pelajaran Pengurusan Kewangan Peribadi dijadikan subjek elektif di mana modul disediakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

"Ia sudah dijalankan di 35 IPT awam dan swasta, antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memabitkan kira-kira 39,000 pelajar," kata Nor Rafidz.

Beliau berkata, usaha sama turut dikembangkan kepada penjawat awam melalui platform dalam talian yang menawarkan 28 modul pembelajaran di mana Pengurusan Kewangan Peribadi ditawarkan sebagai satu submodul.

Enam topik disediakan dalam submodal berkenaan, antaranya 'Bank Negara Malaysia dan anda', 'Saluran dan bantuan lanjut

Tahap literasi kewangan rakyat Malaysia masih rendah, lebih suka berbelanja sekarang daripada menyimpan duit. Kajian mendapati 69 peratus lebih suka berbelanja daripada menyimpan yang menyebabkan mereka tiada simpanan untuk kegunaan jika berlaku kecemasan

Nor Rafidz Nazri,
Pengerusi Bersama
FEN yang juga
Pengarah
Jabatan Rangkuman
Kewangan BNM



bagi pengguna kewangan', 'Pengurusan kewangan' dan 'Jenayah kewangan'.

"Submodul ini menarik penyertaan hampir 20,000 penjawat awam sejak 2020, terutama dalam kalangan guru," katanya.

Katanya, FEN menyediakan maklumat lengkap inisiatif pendidikan kewangan di laman www.fenetwork.my.

Tabungan dan belanjawan rakyat Malaysia yang bekerja

1 dalam 10

percaya mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan



Simpanan dan perbelanjaan harian

84 peratus menabung hanya untuk jangka pendek, mengeluarkan simpanan setiap hujung bulan untuk menampung belanja harian



76 peratus ada merangka belanjawan

2 dalam 5 orang mendapati sukar untuk kekal dengan belanjawan berkenaan



1 dalam 5

rakyat dewasa bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh 6 bulan ke belakang



3 dalam 10

rakyat dewasa bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barang keperluan asas



Persiapan hadapi kecemasan

52% sukar mengumpul RM1,000 sebagai tabung kecemasan



Hanya 20%

mampu menampung belanja harian sekurang-kurangnya 3 bulan atau lebih jika hilang punca utama pendapatan, 10 peratus boleh bertahan lebih 6 bulan.

Hanya 17%

ada insurans nyawa, perlindungan takaful



AKPK
Corporate Culture



AKPK
Corporate Culture



AKPK menyediakan modul mata pelajaran Pengurusan Kewangan Peribadi yang dijadikan subjek elektif di institusi pendidikan tinggi. (Foto hiasan)

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM